

PENYEDIAAN FASILITI ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DI MASJID-MASJID NEGERI SEMBILAN KE ARAH MASJID MESRA PENGGUNA

*(Provision of Disabled People's Amenities at Negeri Sembilan
Mosques Towards Community-Friendly Mosque)*

Shahrulanuar Mohamed¹, Muhammad Zuhairi Ismail²,
Danang Sulistyanto³

¹Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia

²Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia

³SMP Batik Surakata, Indonesia

E-mel: shahrulanuarmohamed@utem.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan keperluan penyediaan fasiliti bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) di masjid-masjid di kawasan bandar dan luar bandar. Penyediaan fasiliti terhadap OKU di tempat awam terutama di masjid sangat diperlukan bagi memudahkan mereka melaksanakan ibadat. Hak OKU tidak boleh diketepikan dalam menerima kemudahan di tempat awam. Kajian ini membincangkan tentang penyediaan fasiliti terhadap OKU yang melibatkan 14 buah masjid yang terdapat di Negeri Sembilan Darul Khusus. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti fasiliti yang perlu disediakan oleh masjid terhadap OKU dan mengukur tahap kesediaan pihak berwajib dalam penyediaan fasiliti tersebut. Bagi mendapatkan data kajian, borang soal selidik telah diedarkan kepada 100 orang responden yang terdiri daripada pegawai pengurusan masjid, pegawai JKM, orang awam dan golongan OKU. Data dianalisis bagi mendapatkan maklum balas berkaitan tahap penyediaan fasiliti di masjid-masjid terhadap OKU. Keputusan kajian diharap dapat memberi maklumat awal berkaitan keperluan penyediaan fasiliti terhadap OKU serta cadangan terhadap penambahbaikan penyediaannya akan dikemukakan.

Kata Kunci: makanan, *hifz al-nafs*, halal, *maqasid syariah*

ABSTRACT

This study aimed to discuss on the needs to provide facilities for Persons with Disabilities (PWD) in mosques in urban and rural areas. The provisions of facilities for the disabled in public areas, especially in mosques, is crucial to make it easier for them to perform worship. The rights of the disabled cannot be denied in obtaining facilities in public places. This study deliberates on the provision of facilities for the disabled involving 14 mosques in Negeri Sembilan Darul Khusus. The purpose of the study was to identify the facilities that should be provided by the mosques for the disabled and measure the level of readiness of the authorities in the provision of such facilities. In order to obtain research data, questionnaires were distributed to 100 respondents consisting of the mosques'

management officers, the JKM officers, the public and the disabled. Data were analysed to gain feedback on the level of provision of disabled facilities in the mosques. The results of the study are expected to provide preliminary data in relation to the needs to provide facilities for the disabled and bring about suggestions to improve the provisions.

Keywords: *Facilities, Persons with Disabilities (PWD), mosque, user-friendly*

1.0 PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang suci tidak membezakan antara penganutnya dan mementingkan nilai kesejahteraan dan keselesaan hidup. Ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW mementingkan nilai-nilai akhlak yang terpuji terhadap orang lain terutamanya mereka yang mempunyai kelainan upaya. Panduan yang digariskan dalam ajaran Islam dapat dijadikan rujukan kepada umatnya dalam memastikan semua ahli masyarakat mendapat hak dalam kehidupan. Syariat Islam yang lengkap dan sempurna telah menyempurnakan kehidupan manusia berlandaskan sumber-sumber asas Islam sama ada yang dinyatakan di dalam a-Quran atau Hadis secara *qat'ie*. Tiada suatu hal pun yang tidak diperincikan oleh Islam termasuklah keadilan dan keselesaan yang perlu dinikmati bagi golongan orang kelainan upaya.

OKU adalah golongan yang minoriti dalam masyarakat. Mereka memerlukan sokongan dan pembelaan daripada masyarakat supaya golongan ini dapat menjalani kehidupan sehari-harian sebagaimana insan normal lain. Mereka juga perlu menunaikan segala taklifan dalam beragama termasuklah tanggungjawab dalam menunaikan ibadah di masjid. Kesukaran dan kekangan yang ada di masjid termasuklah kurang kemudahan menjadikan golongan ini sukar untuk menunaikan tanggungjawab dan mengakibatkan kelompok ini lebih suka mengasingkan diri daripada bergaul dalam masyarakat. Tinjauan awal mendapati terdapat sebahagian masjid di Negeri Sembilan yang menyediakan fasiliti bagi OKU ini sementara sebahagian lain menyediakan hanya beberapa fasiliti tertentu dan sebilangan besar pula tidak menyediakan langsung fasiliti dan kemudahan untuk golongan OKU ini. Jurang yang sangat ketara dapat dilihat daripada penyediaan fasiliti masjid di kawasan bandar yang lebih mesra OKU berbanding masjid luar bandar yang tiada kemudahan buat golongan tersebut. Persoalannya adakah masyarakat pada masa ini peka terhadap peri pentingnya penyediaan fasiliti dan kemudahan bagi golongan OKU. Seterusnya bagaimanakah pula keadaan masjid di Negeri Sembilan sama ada atau tidak dilengkapi dengan fasiliti dan kemudahan asas khusus

untuk golongan OKU. Selain itu, persoalan yang juga menjadi tunjang kajian ini bagaimana kondisi fasiliti dan kemudahan OKU yang disediakan itu sama ada menepati ciri-ciri keselamatan, keselesaan dan berfungsi dengan baik sebagaimana yang telah digariskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Umum mengetahui bahawa tanggungjawab menyediakan fasiliti dan kemudahan OKU di masjid di Negeri Sembilan adalah tertakluk di bawah pengurusan masjid dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Pihak ini bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas bagi setiap masjid-masjid yang tertakluk di bawah bidang kuasa JHEAINS. Namun dalam membina, menyedia dan menyelenggarakan kemudahan OKU tersebut memakan belanja yang besar dan peruntukkan yang tinggi. Tidak semua pengurusan masjid mampu menanggung kos penyediaan fasiliti dan kemudahan OKU yang menelan kos pengurusan yang tinggi. Kekangan ini menjadikan hanya sebahagian masjid terutama di kawasan bandar di Negeri Sembilan yang mampu menanggung kos penyediaan fasiliti OKU sementara masjid di luar bandar hanya mampu menyediakan keperluan untuk orang normal sahaja.

1.1 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mendedahkan kepada umum berkaitan penyediaan kemudahan fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid Negeri Sembilan. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pengurusan masjid terhadap penyediaan kemudahan OKU di masjid-masjid, mengenal pasti kemudahan fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid dan mengenal pasti apakah kondisi fasiliti OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Penulisan dan kajian terhadap penyediaan fasiliti OKU di Malaysia telah banyak dilaksanakan oleh para penyelidik dalam pelbagai bentuk penulisan sama ada berbentuk kertas kerja yang dibentangkan pada pelbagai jenis seminar dan forum, jurnal atau bahan-bahan penulisan akademik.

Orang Kelainan Upaya (OKU) yang dikenali sebagai orang cacat atau kurang adalah satu istilah yang boleh mengundang ketidakselesaan terhadap golongan tersebut. Gambaran negatif terhadap golongan tersebut wajar

dikikis kerana mereka juga mempunyai ciri keistimewaan yang tersendiri. Dalam kajian yang dijalankan oleh Ab Aziz Mohd Zin (2009), istilah kurang upaya adalah disarankan digantikan dengan kelainan upaya. Menurut Kamus Dewan (2010), istilah 'kurang' bermaksud tidak atau kurang cukup, tidak berapa (baik, maju, sihat, dan lain-lain), tidak sempurna. Manakala istilah 'cacat' pula bermaksud kekurangan atau keadaan kurang sempurna (lengkap, baik) pada badan (benda, perbuatan, akhlak, batin, dan lain-lain). Perbincangan berkaitan OKU banyak dijalankan dan pengistilahan OKU telah diberi dalam pelbagai pengertian yang menggambarkan aspek positif. Mengikut *World Health Organization* (WHO), OKU seorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya, sebagai seorang individu yang normal, akibat daripada kekurangan keadaan fizikal atau mental. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), OKU bermakna seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada daripada segi fizikal ataupun mental, sama ada ianya berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya (Zinaida Ariffin 2006).

Menurut Nurul Asmak (2017) dalam kajiannya mendapati kedudukan orang kelainan upaya kategori cacat penglihatan juga berdepan dengan cabaran dan masalah dalam melakukan ibadah solat. Dalam Islam setiap individu diwajibkan melaksanakan tanggungjawab solat termasuklah golongan sebegini. Bagaimanapun, beliau mendapati bahan bacaan yang disediakan oleh pihak pengurusan masjid adalah tidak mesra orang kelainan upaya. Kebiasaannya pihak pengurusan masjid hanya menyediakan kemudahan seperti al-Quran, risalah, buku-buku untuk golongan yang normal. Bahan bacaan dalam tulisan braille tidak disediakan bagi kemudahan orang yang cacat penglihatan. Oleh itu, ini memberikan cabaran kepada mereka untuk merujuk ataupun mendapatkan maklumat berkaitan hal-hal keagamaan di masjid. Dalam pada itu juga, kakitangan masjid juga seharusnya mempunyai kemahiran dalam berhubung dengan golongan orang kelainan upaya ini. Kursus-kursus jangka pendek bolehlah disediakan kepada kakitangan masjid agar urusan ibadah mereka dapat dibantu dengan penuh hikmah dan mesra OKU.

Aspek kemudahan untuk golongan OKU seharusnya menjadi agenda masyarakat Malaysia. Bagi negara-negara maju indikator yang perlu diambil

perhatian adalah kemudahan akses golongan OKU dalam urusan seharian mereka. Kita tidak boleh bersikap bias atau berat sebelah dalam menyediakan prasarana dan infrastruktur untuk golongan yang normal sahaja. Malahan golongan OKU juga wajar diberikan perhatian dalam memudahkan kehidupan seharian mereka. Dalam kajian Ishak (2008) beliau mendapati kemudahan untuk orang-orang buta dan OKU yang disediakan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) masih kurang khususnya di tempat awam seperti bangunan atau pejabat kerajaan, pusat membeli-belah dan tempat awam lain. Contohnya, ketiadaan tandas-tandas khas dan laluan khusus bagi golongan OKU'. Justeru itu beliau menekankan pihak yang berwajib seperti Dewan Bandaraya Kota Kinabalu memastikan agar undang-undang kecil Bangunan dapat diperkasa ke arah penyediaan bandar yang mesra OKU. Di samping itu juga pihak yang berwajib haruslah mengenal pasti halangan-halangan yang wujud dalam membataskan pergerakan golongan OKU di bandar-bandar, khususnya di Kota Kinabalu.

Dalam industri pembinaan aspek aksesibiliti juga merupakan salah satu aspek yang perlu diambil perhatian. Ianya perlulah mesra pengguna dengan mengambil kira keperluan semua peringkat umur, jantina dan juga keperluan OKU. Jika perancangan sesuatu pembinaan itu tidak melihat keperluan penghuninya ia akan memberikan kesan terhadap aspek kepenggunaannya pada masa akan datang, khususnya dalam kalangan OKU. Perancangan yang tersusun dan bijak serta mesra OKU dapat memberikan keselesaan dan meminimumkan masalah terutamanya hal menyentuh aspek keselamatan (Shalini & Seow Ta Wee, 2012). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat terdapat beberapa strategi yang telah digariskan bagi membantu golongan OKU ini dalam hal berkaitan dengan aksesibiliti iaitu 'Memastikan penyediaan persekitaran bebas halangan (barrier-free) termasuk kemudahan di dalam dan luar bangunan, tempat kerja, kawasan perumahan serta ruang awam, meningkatkan penyediaan kemudahan pengangkutan awam yang mesra OKU dan menggalakkan penyediaan kemudahan serta akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)'. Oleh yang demikian setiap perancangan yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan ataupun swasta dalam industri pembinaan perlulah seiring dengan keperluan aksesibiliti golongan OKU.

Munir et. al (2015) dalam kajiannya mendapati kemudahan yang disediakan di masjid-masjid untuk golongan OKU menunjukkan perbezaan yang amat ketara di antara masjid yang terletak di kawasan bandar dan di luar bandar.

Masjid di kawasan bandar telah dapat menyediakan aksesibiliti kepada golongan OKU seperti laluan untuk ke ruang solat, ruang parkir khas dan juga tandas yang mesra OKU. Dalam hal ini faktor kewangan telah dikenal pasti dan memberikan kesan dalam penyediaan kemudahan tersebut. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri biasanya akan menyalurkan dana mengikut kategori dan lokasi masjid tersebut. Oleh yang demikian kajian beliau mendapati masjid di luar bandar masih banyak yang tidak dapat memenuhi keperluan untuk golongan OKU. Sebagai agama yang syumul ajaran Islam seharusnya mengambil berat semua tuntutan penganutnya tanpa sebarang perbezaan daripada aspek usia, jantina mahupun fizikal.

Berdasarkan kepada sorotan kajian-kajian yang lalu, terbukti bahawa penyediaan fasiliti OKU masih lagi berada di tahap tidak memuaskan dan perlu kepada penambahbaikan. Ini adalah kerana penyediaan fasiliti OKU dianggap sebagai sesuatu yang tidak diletakkan dalam keutamaan bagi pembinaan sesebuah masjid. Daripada kajian yang dilaksanakan didapati bahawa masjid-masjid yang berada di kawasan bandar lebih dominan menyediakan fasiliti OKU.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua metode kajian iaitu metode pengumpulan data dan kaedah analisis data.

3.1 Pengumpulan Data

Kaedah ini memerlukan pengkaji mengumpulkan seberapa lengkap maklumat yang diperlukan dan berkaitan dengan kawasan kajian serta maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pada peringkat ini, pengkaji perlu menekankan tentang teori-teori serta fakta-fakta, maklumat asas atau apa-apa sahaja bahan yang boleh digunakan untuk dirujuk dalam mendapatkan maklumat berkenaan kajian serta kawasan kajian. Contohnya jurnal, buku rujukan, keratan akbar, kertas kerja seminar dan lain-lain bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Maklumat-maklumat tersebut boleh diperolehi melalui pengumpulan data sekunder dan pengumpulan data primer. Pengumpulan data primer dan sekunder boleh dibuat dengan beberapa kaedah.

3.2 Data Primer

Data primer merupakan data yang diperoleh melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Ia berbentuk data mentah yang perlu dianalisis terlebih dahulu sebelum diguna pakai. Data primer diperoleh melalui kaedah pengamatan dan soal selidik.

3.3 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperoleh melalui maklumat yang dikumpul daripada Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan empat belas buah masjid yang terlibat dengan bidang kajian yang dijalankan, data rujukan yang boleh dianggap sebagai sumber data berbentuk kenyataan bertulis atau laporan. Data sekunder juga boleh didapati melalui kaedah soal selidik ke atas pihak yang terlibat. Seterusnya semua data yang diperoleh melalui kajian yang telah dijalankan akan dianalisis. Ini bagi mendapatkan penemuan untuk tujuan merangka cadangan pada peringkat akhir. Setelah semua data yang dikumpul dianalisis, penemuan kajian akan diperoleh. Penemuan yang diperoleh akan dijadikan sebagai asas untuk membentuk cadangan bagi mengatasi masalah yang wujud di kawasan kajian. Data sekunder yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti merujuk kepada laporan-laporan sedia ada yang berkaitan dengan kajian.

3.4 Analisis Data

Segala maklumat-maklumat yang telah dikumpul melalui pengumpulan data primer dan data sekunder akan dianalisis bagi menapis maklumat-maklumat yang berkaitan sahaja, ini kerana maklumat dan data-data yang diperoleh adalah dalam bentuk data mentah. Hanya data yang perlu sahaja akan digunakan dan seterusnya akan menghasilkan penemuan kajian. Maklumat yang dikumpul melalui kaedah soal selidik akan diproses dengan menggunakan Program SPSS. Program ini dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos, ia kerana data yang di masukkan dalam program ini boleh digabungkan dengan mana-mana maklumat yang terdapat dalam fail yang sama serta boleh dikemas kini pada bila-bila mengikut keperluan semasa.

4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan seramai 100 orang terdiri daripada pegawai pengurusan masjid, pegawai JKM, orang awam dan golongan OKU sendiri dengan pelbagai latar belakang seperti umur, taraf pendidikan, daerah, lokasi dan jantina. Profil demografi kajian secara terperinci dihuraikan seperti berikut:

Jadual 1: Profil demografi kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Umur		
20 tahun ke bawah	3	3.0%
21 hingga 40 tahun	31	31.0%
41 hingga 50 tahun	40	40.0%
51 tahun ke atas	26	26.0%
Taraf Pendidikan		
Sijil/Diploma	74	74.0%
Sarjana Muda	26	26.0%
Daerah		
Seremban	15	15.0%
Rembau	15	15.0%
Kuala Pilah	14	14.0%
Port Dickson	14	14.0%
Jempol	14	14.0%
Tampin	14	14.0%
Jelevu	14	14.0%
Lokasi		
Bandar	58	58.0%
Luar Bandar	42	42.0%
Jantina		
Lelaki	64	64.0%
Perempuan	36	36.0%

Jadual 1 menunjukkan seramai 3 orang (3.0%) berumur 20 tahun ke bawah, seramai 31 orang (31.0%) berumur 21 hingga 40 tahun, seramai 40 orang (40.0%) berumur 41 hingga 40 tahun dan seramai 26 orang (26.0%) berumur 51 tahun ke atas. Berdasarkan taraf pendidikan, seramai 74 orang (74.0%) taraf Pendidikan Sijil/Diploma dan seramai 26 orang (26.0%) taraf Pendidikan Sarjana Muda. Seterusnya berdasarkan daerah menunjukkan seramai 15 orang (15.0%) masing-masing di daerah Seremban dan Rembau, seramai

14 orang (14.0%) masing-masing di daerah Kuala Pilah, Port Dickson, Jempol, Tampin dan Jelebu. Berdasarkan lokasi menunjukkan seramai 58 orang (58.0%) di Bandar dan seramai 42 orang (42.0%) di Luar Bandar dan seterusnya berdasarkan jantina menunjukkan seramai 64 orang (64.0%) lelaki dan seramai 36 orang (36.0%) perempuan.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian dihuraikan mengikut persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bahagian Bab 1. Huraian hasil dapatan kajian secara terperinci seperti berikut.

5.1 Tahap Pengetahuan Pengurusan Masjid Terhadap Penyediaan Kemudahan OKU Di Masjid-Masjid Negeri Sembilan

Statistik deskriptif yang menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan pengetahuan pengurusan masjid terhadap penyediaan kemudahan OKU di masjid seperti berikut.

Jadual 2: Tahap pengetahuan pengurusan masjid terhadap penyediaan kemudahan OKU di masjid

No	Pengetahuan pengurusan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
1.	Fasiliti OKU penting untuk membantu golongan OKU melaksanakan aktiviti di masjid.	-	-	-	28 (28.0%)	72 (72.0%)	4.72	.45
2.	Masjid perlu menyediakan fasiliti dan kemudahan khusus untuk golongan OKU.	-	-	-	28 (28.0%)	72 (72.0%)	4.72	.45
3	Golongan OKU perlu untuk mendapatkan keselesaan sebagaimana yang diperoleh oleh orang sempurna yang lain.	-	-	-	28 (28.0%)	72 (72.0%)	4.72	.45
4.	Fasiliti OKU dapat memudahkan golongan OKU melaksanakan tuntutan ibadah seperti golongan sempurna yang lain.	-	-	-	28 (28.0%)	72 (72.0%)	4.72	.45
5.	JHEAINS sangat menitikberatkan fasiliti golongan OKU di masjid-masjid.	-	-	32 (32.0%)	33 (33.0%)	35 (35.0%)	4.03	.82
6	Masyarakat hari ini menyedari kesedaran peri pentingnya fasiliti yang lengkap untuk golongan OKU beribadah.	-	-	35 (35.0%)	33 (33.0%)	32 (32.0%)	3.97	.82
	Keseluruhan						4.48	.50

Hasil kajian dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa setiap item soalan dalam pengetahuan pengurusan masjid terhadap penyediaan kemudahan OKU di masjid berada pada tahap yang tinggi. Julatnya ialah antara 3.97 hingga 4.72. item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Fasiliti OKU penting untuk membantu golongan OKU melaksanakan aktiviti di masjid, masjid perlu menyediakan fasiliti dan kemudahan khusus untuk golongan OKU, Golongan OKU perlu untuk mendapatkan keselesaan sebagaimana yang diperoleh oleh orang sempurna yang lain dan Fasiliti OKU dapat memudahkan golongan OKU melaksanakan tuntutan ibadah seperti golongan sempurna yang lain dengan masing-masing nilai min 4.72 dan $sp = .45$. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 72 orang (72.0%) menyatakan sangat setuju dan seramai 28 orang (28.0%) menyatakan setuju. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Masyarakat hari ini menyedari kesedaran peri pentingnya fasiliti yang lengkap untuk golongan OKU beribadah dengan min = 3.97 dan $sp = .82$. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 35 orang (35.0%) menyatakan kurang setuju, seramai 33 orang (33.0%) menyatakan setuju dan seramai 32 orang (32.0%) menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan pengetahuan pengurusan masjid terhadap penyediaan kemudahan OKU di masjid berada pada tahap yang tinggi dengan min = 4.48 dan $sp = .5$.

5.2 Kemudahan Fasiliti OKU yang disediakan di Masjid-Masjid Negeri Sembilan

Statistik deskriptif yang menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan kemudahan fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid Negeri Sembilan seperti berikut.

Jadual 3: Kemudahan fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid Negeri Sembilan

No	Kemudahan fasiliti	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
1.	Masjid menyediakan lerengan (ramp) untuk kemudahan golongan OKU.	-	-	45 (45.0%)	34 (34.0%)	21 (21.0%)	3.76	.78
2.	Masjid menyediakan laluan bertekstur untuk kemudahan golongan OKU.	-	-	56 (56.0%)	32 (32.0%)	12 (12.0%)	3.56	.70
3.	Masjid menyediakan parkir khusus untuk kemudahan golongan OKU.	-	-	30 (30.0%)	45 (45.0%)	25 (25.0%)	3.95	.74

4.	Masjid menyediakan tandas khusus untuk kemudahan golongan OKU.	-	-	28 (28.0%)	47 (47.0%)	25 (25.0%)	3.97	.73
5.	Masjid menyediakan tempat wuduk khusus untuk kemudahan golongan OKU.	-	-	44 (44.0%)	31 (31.0%)	25 (25.0%)	3.81	.81
6.	Masjid menyediakan papan tanda khas untuk kemudahan golongan OKU.	-	-	45 (45.0%)	32 (32.0%)	23 (23.0%)	3.78	.80
7.	Masjid menyediakan tanda tunjuk arah OKU untuk kemudahan golongan OKU.	-	-	52 (52.0%)	33 (33.0%)	15 (15.0%)	3.63	.73
Keseluruhan							3.78	.70

Jadual 3 menunjukkan setiap item dalam kemudahan fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi dengan julat antara 3.56 hingga 3.97. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah masjid menyediakan tandas khusus untuk kemudahan golongan OKU (min = 3.97 dan sp = .73). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 47 orang (47.0%) menyatakan setuju, seramai 28 orang (28.0%) menyatakan kurang setuju dan seramai 25 orang (25.0%) menyatakan sangat setuju. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah masjid menyediakan laluan bertekstur untuk kemudahan golongan OKU (min = 3.56 dan sp = .70). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 56 orang (56.0%) menyatakan kurang setuju, seramai 32 orang (32.0%) menyatakan setuju dan seramai 12 orang (12.0%) menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan kemudahan fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi (min = 3.78 dan sp = .70).

5.3 Kondisi Fasilitas OKU di Masjid-Masjid Negeri Sembilan

Statistik deskriptif yang menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan kondisi fasiliti OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan seperti berikut:

Jadual 4: Kondisi fasiliti OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan

No	Kondisi fasiliti	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
1.	Fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid Negeri Sembilan berada dalam keadaan baik dan berfungsi sepenuhnya untuk digunakan.	-	-	30 (30.0%)	39 (39.0%)	31 (31.0%)	4.01	.79
2.	Fasiliti OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan berada dalam keadaan yang selamat dan memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.	-	-	35 (35.0%)	34 (34.0%)	31 (31.0%)	3.96	.82
3.	Fasiliti OKU yang disediakan di masjid-masjid Negeri Sembilan adalah selesa dan kondusif untuk kegunaan khusus golongan OKU.	-	-	43 (43.0%)	26 (26.0%)	31 (31.0%)	3.88	.86
4.	Setiap fasiliti OKU adalah dikhususkan untuk kegunaan golongan OKU sahaja dan tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh orang awam.	-	-	35 (35.0%)	28 (28.0%)	37 (37.0%)	4.02	.85
5.	Masjid-masjid di Negeri Sembilan menyediakan binaan struktur bangunan yang Mesra OKU dan menepati spesifikasi yang ditetapkan JKM.	-	-	49 (49.0%)	26 (26.0%)	25 (25.0%)	3.76	.83
6.	Kondisi fasiliti OKU yang disediakan di masjid sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan masjid agar kekal selamat.	-	-	55 (55.0%)	37 (37.0%)	8 (8.0%)	3.53	.64
7.	Fasiliti OKU di masjid Negeri Sembilan disediakan dengan ruang yang luas dan permukaan yang selamat serta tidak berbahaya kepada golongan OKU.	-	-	49 (49.0%)	32 (32.0%)	19 (19.0%)	3.70	.77
	Keseluruhan						3.84	.74

Jadual 4 menunjukkan setiap item dalam kondisi fasiliti OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi dengan julat antara 3.53 hingga 4.02. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah setiap fasiliti OKU adalah dikhususkan untuk kegunaan golongan OKU sahaja dan tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh orang awam (min = 4.02 dan sp = .85). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 37 orang (37.0%) menyatakan sangat setuju, seramai 35 orang (35.0%) menyatakan

kurang setuju dan seramai 28 orang (28.0%) menyatakan setuju. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah kondisi fasilitas OKU yang disediakan di masjid sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan masjid agar kekal selamat (min = 3.53 dan sp = .64). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 55 orang (55.0%) menyatakan kurang setuju, seramai 37 orang (37.0%) menyatakan setuju dan seramai 8 orang (8.0%) menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan kondisi fasilitas OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi (min = 3.84 dan sp = .74).

6.0 KESIMPULAN

Kajian dijalankan bertujuan untuk menentukan pengetahuan pengurusan masjid, kemudahan fasilitas dan kondisi fasilitas OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan. Hasil analisis menggunakan bantuan perisian SPSS 24.0 menunjukkan bahawa pengetahuan pengurusan masjid, kemudahan fasilitas dan kondisi fasilitas OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan berada pada tahap tinggi. Kajian ini berjaya dijalankan bagi menentukan tahap fasilitas dan kemudahan OKU di masjid-masjid seluruh Negeri Sembilan. Hasil kajian ini dapat membantu pihak JHEAINS dan MAINS untuk merancang pelbagai usaha dalam mewujudkan fasilitas masjid yang mesra OKU di seluruh Negeri Sembilan menepati ciri kondusif, selamat dan terjamin. Kajian seterusnya juga perlu bagi mengkaji dengan lebih terperinci berkenaan tahap fasilitas dan kemudahan fasilitas asas yang diperlukan oleh semua masjid di Malaysia agar dapat mengajak golongan OKU untuk turut serta dalam menunaikan ibadah yang lebih mesra pengguna.

RUJUKAN

Ab. Aziz Mohd. Zin. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borham, (2015) *Penyediaan kemudahan orang kurang upaya (OKU) di masjid-masjid: kajian kes di masjid-masjid daerah Batang Padang*. Al-Hikmah, 7 (1). pp. 62-78. ISSN 1985—6822.

Atas talian: [http://eprints.uthm.edu.my/2027/1/Seow_Ta_Wee_FPTPK \(PKGAS\).pdf](http://eprints.uthm.edu.my/2027/1/Seow_Ta_Wee_FPTPK_(PKGAS).pdf)

- Hazlin Falina Rosli Safura Ahmad Sabri. (2017). *Halangan Fasiliti Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi Di Lembah Klang*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled, Vol. 2, (June) ISSN 0128-309X, 2017 (940).
- Ishak, Z. (2008). *Hari Tongkat Putih bawa mesej kesedaran*. Atas talian: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1115&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sabah_%26_Sarawak&pg=wb_01.htm (30 Januari 2009)
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Asmak Liana Bakar. (2017), *Cabaran bagi golongan orang kelainan upaya (OKU) penglihatan dalam melaksanakan ibadah solat*. Jurnal Al-Hikmah, 9 (2). pp. 3-15. ISSN 1985—6822. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shalini a/p Sanmargaraja Seow Ta Wee. *Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan Di Nusajaya, Johor Bahru*. Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan Jabatan Binaan dan Harta Tanah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Wan Hanani Binti Wan Hassan. *Kemudahan Akses Orang Kurang Upaya (OKU) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia. Atas talian: <http://fab.utm.my/wp-content/uploads/2012/08/ThesisQS200851.pdf>
- Zinaida Ariffin (2006). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Bentong: PTS Professional.